

**SOALAN LAZIM**  
**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022**

**A. PENJAWAT AWAM**

| BIL.               | SOALAN  | KELAYAKAN  |
|--------------------|---|--|
| <b>Pelaksanaan</b> |   |  |
| 1.                 | Siapakah penjawat awam yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | <p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat pada 25 Januari 2022.</p> <p>Turut layak diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang merupakan pegawai lantikan tetap, sementara dan <i>Contract of Service</i><sup>2</sup>, pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 turut dipanjangkan kepada guru interim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya serta pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 turut dipanjangkan kepada pegawai lantikan MySTEP dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.</p> |

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/Khas.

<sup>2</sup> Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

| BIL.  | SOALAN  | KELAYAKAN   |
|---|---|---|
|   |   | Nota: Rujuk Bahagian B, soalan 26 untuk pesara/penerima pencen yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.   |
| <b>Pegawai Bercuti Separuh Gaji/ Tanpa Gaji</b> |   |   |
| 2.  | Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/ tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Januari 2022 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?  | Layak.  |
| <b>Pegawai Peminjaman</b>                       |   |   |
| 3.  | Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Utama/ Khas layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?  | Tidak layak.<br>Pegawai tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Jawatan Utama/ Khas sama seperti pegawai memangku. |
| <b>Pegawai <i>Contract of Service</i></b>       |   |   |
| 4.  | Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sekiranya beliau berkhidmat mulai 14 Oktober 2021 hingga 13 Januari 2022 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut? | Tidak layak.<br>Pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2022 (tarikh pembayaran).  |
| 5.  | Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> yang dilantik pada 1 April 2021 hingga 31 Mac 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Layak.<br>Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan 2022 dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2022 (tarikh pembayaran).   |

| BIL.                           | SOALAN  | KELAYAKAN   |
|--------------------------------|---|---|
| <b>Pegawai Lantikan MySTEP</b> |   |   |
| 6.                             | Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 November 2021 hingga 31 Disember 2021 dan kemudiannya telah diperbaharui kontraknya berkuat kuasa 4 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | <p>Layak.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 turut dipanjangkan kepada MySTEP tertakluk kepada syarat tempoh kontraknya yang sedang berkuat kuasa adalah sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am serta masih berkhidmat pada tarikh 25 Januari 2022 (tarikh pembayaran) tersebut.</p> <p>Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu (1 November 2021 hingga 31 Disember 2021) boleh diambil kira bagi tujuan melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) 1 atau 2 hari di antara kontrak terdahulu dengan kontrak baharu dengan syarat Personel MySTEP masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2022. Kontrak yang mempunyai tempoh jurang yang melebihi 2 hari bekerja tidak boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p> <p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kontrak yang tempoh jurang (gap) atas sebab Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p> |
| 7.                             | Adakah Personel MySTEP yang telah berkhidmat pada 15 November 2021 hingga 31 Disember 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | <p>Tidak layak.</p> <p>Personel MySTEP tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2022.</p>  |

|     |  |  |
|-----|--|--|
| 8.  | Adakah Personel MySTEP yang telah dilantik pada 1 Februari 2021 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 30 April 2021, kemudiannya dilantik semula pada 1 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | Tidak layak.<br>Personel MySTEP tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2022.  |
| 9.  | Adakah Personel MySTEP yang telah dilantik pada 6 September 2021 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 5 Disember 2021, kemudiannya dilantik semula pada 4 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?    | Tidak layak.<br>Personel MySTEP tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 4 Januari 2021) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 3.2(i), Surat Arahan KPPA no rujukan JPA.800-3/2/1 (32) bertarikh 20 Disember 2021.  |
| 10. | Adakah Personel MySTEP yang dilantik bermula pada 3 Januari 2022 dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?  | Tidak layak.<br>Personel MySTEP tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 1 Januari 2022) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 3.2(i), Surat Arahan KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/1 (32) bertarikh 20 Disember 2021. |

| BIL.                                 | SOALAN  | KELAYAKAN  |
|--------------------------------------|---|--|
| <b>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b> |   |  |
| 11.                                  | Adakah PSH yang dilantik di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing seperti yang ditetapkan oleh perenggan 4 Surat Arahan KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/1 (32) bertarikh 20 Disember 2021   |
| <b>Pelantikan Dalam Perkhidmatan</b> |   |  |
| 12.                                  | Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | Layak.<br>Walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza, pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai itu berkhidmat.  |
| <b>Hukuman Tatatertib</b>            |   |  |
| 13.                                  | Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 10 Januari 2022 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Tidak layak.<br>Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A) 395/1993). |

| BIL.  | SOALAN  | KELAYAKAN   |
|---|---|---|
| 14.   | Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2021 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?                                   | Tidak Layak.<br>Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2022.  |
| <b>Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan</b>                 |   |   |
| 15.   | Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 25 Januari 2022 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Layak.<br>Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM700 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.   |
| <b>Pengkorporatan/ Penswastaan dan Pengasingan</b>        |   |   |
| 16.   | Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Januari 2022 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | Layak dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).  |
| <b>Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan</b> |   |   |
| 17.   | Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?        | Tidak layak.<br>Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 Januari 2022 tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan. |

| BIL.   | SOALAN  | KELAYAKAN   |
|--|---|---|
| <b>Imunisasi COVID-19 kepada pegawai awam yang sedang berkhidmat</b> |   |   |
| 18.  | Adakah pegawai yang belum melengkapkan dos imunisasi COVID-19 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?  | <p>Pegawai yang tidak mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap selain atas sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini.</p> <p>Pegawai hanya layak dibayar sekiranya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selewat-lewatnya pada 31 Mac 2022.</p> |
| 19.  | Apakah yang dimaksudkan dengan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap?   | Pegawai adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021.  |
| 20.  | Adakah pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sekiranya tarikh dos imunisasi lengkap adalah selepas 31 Mac 2022?   | Tidak layak kerana pegawai hanya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selepas tarikh 31 Mac 2022 yang ditetapkan.  |
| 21.  | Apakah yang perlu dilakukan oleh pegawai yang telah melengkapkan dos imunisasi sebelum tarikh 31 Mac 2022?  | Pegawai perlu memaklumkan dan mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia masing-masing bagi membolehkan pembayaran dilakukan.  |
| 22.  | Pada siapakah syarat melengkapkan dos imunisasi COVID-19 ini terpakai?  | Syarat melengkapkan dos imunisasi COVID-19 terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana seperti yang disenaraikan dalam perenggan 3.1 (ii), Surat Arahan KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/1 (32) bertarikh 20 Disember 2021.  |
| 23.  | Adakah pegawai yang telah lengkap menerima dos vaksin jenis CoronaVac (Sinovac) tetapi masih belum menerima vaksin dos penggalak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kerana pegawai telah lengkap menerima dos vaksin jenis CoronaVac (Sinovac) pada 25 Januari 2022.  |

**B. PESARA KERAJAAN**

| BIL.          | SOALAN  | KELAYAKAN   |
|---------------|---|---|
| <b>Pesara</b> |   |   |
| 24.           | Siapakah pesara yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?                  | <p>Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 25 Januari 2022 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri;</li> <li>ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;</li> <li>iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan</li> <li>iv) Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara mengikut opsyen umur persaraan sahaja (55 tahun, 56 tahun, 58 tahun atau 60 tahun).</li> </ul> |
| 25.           | Siapakah penerima pencen yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?         | Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 25 Januari 2022.   |
| 26.           | Adakah penerima pencen terbitan turut layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | <p>Layak.</p> <p>Bagi penerima pencen terbitan yang lebih daripada seorang Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 akan dibayar berdasarkan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.</p>  |



| BIL. | SOALAN  | KELAYAKAN   |
|------|---|---|
| 27.  | Adakah pegawai yang bersara selepas 25 Januari 2022 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?                | Layak dibayar dengan kadar Penjawat Awam sebanyak RM700.00.   |
| 28.  | Adakah pesara/ penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | Layak.<br>Pesara yang menerima pencen/ penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.   |
| 29.  | Siapakah pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?               | Pesara/ penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah:<br><br>i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran;<br><br>ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik;<br><br>iii) Perkhidmatan sebagai Hakim;<br><br>iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak);<br><br>v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3- Pengurusan Wang Awam;<br><br>vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 25 Januari 2022; dan<br><br>vii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS). |

| BIL. | SOALAN   | KELAYAKAN   |
|------|--|---|
| 30.  | Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaaan atau pengkorporatan layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Layak sekiranya mereka adalah penerima pencen.  |
| 31.  | Adakah pesara (merujuk kepada soalan no.26) yang meninggal dunia sebelum 25 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?                              | Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 hanya akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan yang layak.   |
| 32.  | Adakah pesara (merujuk kepada soalan no.26) atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 25 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Layak.<br>Pesara atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 25 Januari 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM350.00.   |
| 33.  | Adakah pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service (COS)</i> dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022? | Layak.<br>Pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service (COS)</i> dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2022 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat. |
| 34.  | Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, jabatan manakah yang akan membuat bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kepada pesara tersebut?                 | Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 hanya dibayar sekali sahaja oleh JPA sebanyak RM350.00.  |
| 35.  | Adakah pesara yang bersara secara pilihan yang belum menerima pencen layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022?   | Layak.<br>Bayaran Bantuan Khas Kewangan tahun 2022 sebanyak RM350.00 turut diperluaskan kepada pesara yang bersara secara pilihan yang belum menerima pencen.   |